

## Faktor Penyumbang Terhadap Pencapaian Sifar Ujian Penilaian Sekolah Rendah di Sarawak

Abdul Said Ambotang\*, Baharom Mohamad, Mohd Yusof Abdullah, Mohd Suhaimi Taat, Roslee Talip

*Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia*

\*Corresponding author: said@ums.edu.my

### Abstract

This study was conducted to determine the contributing factors towards Primary School Evaluation Test (UPSR) zero achievement in selected schools. The study involved many factors that affected school UPSR result which eventually led to zero achievement (0%). The lowest result had generated negative perception that school authority especially teachers had not taught copiously. In this case, findings showed failure or success of pupils in academic and UPSR not only depended on teacher's efforts but involved all related authorities including Education Department, school leaders, teachers, pupils, parents and others in a unique and holistic way. Therefore, to overcome this unhealthy phenomenon, each party or individual needs to conduct self-reflect activities followed by improvement action which not only has positive impact on oneself but every individual involved.

**Keywords:** Zero achievement; negative perception

### Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti faktor penyumbang terhadap pencapaian sifar UPSR di sekolah yang terpilih di negeri Sarawak. Banyak faktor yang mempengaruhi keputusan UPSR sekolah yang terlibat dalam kajian ini sehingga berprestasi sifar (0%). Keputusan yang pada tahap paling rendah ini telah menimbulkan persepsi yang negatif bahawa pihak sekolah khasnya guru-guru tidak mengajar dengan sepenuhnya. Dalam hal ini, hasil kajian menunjukkan bahawa kegagalan ataupun kejayaan murid-murid dalam akademik dan UPSR bukan hanya bergantung kepada usaha guru semata-mata malah melibatkan penyertaan semua pihak yang merangkumi Jabatan Pelajaran, pengurus sekolah, guru-guru, murid-murid, para ibu bapa dan lain-lain yang lagi secara unik dan holistik. Justeru itu, bagi menangani fenomena yang tidak sihat ini, setiap pihak atau individu harus membuat refleksi diri dan disusuli dengan tindakan penambahan yang bukan sahaja kepada diri sendiri malah memberi impak yang positif kepada setiap insan terlibat.

**Kata kunci :** Berprestasi sifar; persepsi negatif

© 2014 Penerbit UTM Press. All rights reserved

### ■1.0 PENGENALAN

Menyentuh tentang matlamat dan objektif yang hendak dicapai oleh KPM bagi meningkatkan mutu pendidikan negara ke peringkat maju maka Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) telah diperkenalkan pada tahun 1988. Ujian Pencapaian Sekolah Rendah menjadi kayu ukur bagi menentukan tingkat pencapaian salah satu daripada objektif pendidikan iaitu untuk menyediakan murid-murid sekolah rendah bagi melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah dengan menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M). Ujian Pencapaian Sekolah Rendah juga merupakan peperiksaan awam pertama yang ditempuh oleh kanak-kanak ketika berada pada penghujung Tahun Enam di semua sekolah rendah seluruh negara. Kewajipan sekolah untuk menyediakan murid dan seterusnya melaksanakan UPSR termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 Bahagian IV Seksyen 19 yang menegaskan setiap sekolah hendaklah menyediakan murid-muridnya untuk peperiksaan yang ditetapkan oleh atau di bawah Akta ini (Akta Pendidikan, 1996; Mohd Ismail Othman, 2004). Perkara ini telah mencetuskan minat awal para penyelidik untuk meninjau keputusan UPSR murid serta tahap keperkasaan sekolah-sekolah rendah dalam menghasilkan murid-murid UPSR yang cemerlang. Di samping itu, penyelidikan ini juga berhasrat untuk mengetahahkan sekurang-kurangnya satu faktor yang difikirkan mempengaruhi keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah murid pelajar di Sarawak.

### ■2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Berdasarkan permasalahan kajian yang wujud dalam kajian ini, prestasi sifar pelajar dalam UPSR sememangnya dipengaruh oleh pelbagai faktor. Menyentuh berkenaan prestasi akademik pelajar, aspek pengurusan sekolah merupakan aspek utama yang diberi perhatian. Pihak pengurusan sekolah yang terdiri daripada pimpinan atasan yakni pengetua, staf-staf sokongan serta guru-guru itu sendiri memainkan peranan penting dalam kemenjadian murid. Secara umumnya, semua sistem pendidikan yang ada hari ini memerlukan pengurusan dan pentadbiran untuk menggerakkannya ke arah matlamat dan objektif secara lancar dan berkesan sehingga mampu menghadapi sebarang masalah serta cabaran yang mungkin timbul. Oleh kerana itu, pengurusan merupakan faktor penentu bagi prestasi sesebuah organisasi

pendidikan seperti sekolah. Hal ini kerana pengurusan dan organisasi pendidikan berkait rapat antara satu sama lain berikut hasil daripada penyatupaduan pengurusan yang berkualiti mampu membentuk sekolah yang cemerlang. Pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah juga antara perkara yang paling menarik perhatian dalam kajian kemenjadian murid. Merujuk kepada SPI Bil.4 1986, keberkesan pengajaran dan pembelajaran membawa pengaruh yang besar kepada pelajarnya. Kejayaan para pelajar dalam pembelajaran dan motivasi serta minat mereka terhadap sesuatu mata pelajaran yang dipelajari mempunyai hubungan rapat dengan kebolehan dan keberkesan guru yang mengajar. Menurut Choong (2009), kegagalan guru mengurus tadbir bilik darjah mewujudkan suasana yang tidak kondusif dan menyumbang kepada kegagalan dalam keberkesan pengajaran dan pembelajaran.

Hubungan antara sikap dengan pencapaian dalam mata pelajaran juga sering menjadi tumpuan kajian seperti yang dilakukan dalam kajian Zimbardo dan Ebbesen (1970), Taha (1977) dan Fox (1983). Selain itu, kegagalan menguasai kemahiran 3M iaitu membaca, menulis dan mengira yang juga menjadi antara faktor terkait dalam prestasi akademik pelajar dan ini membawa kepada kegagalan pelajar menerima sesuatu input dalam mata pelajaran seperti yang telah dinyatakan oleh Kementerian Pelajaran (2010) dalam Program Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan (GTP).

Aspek pencapaian akademik adalah suatu agenda penting yang perlu ditumpukan dalam menilai kemenjadian murid, walaupun masih tidak menafikan aspek sahsiah, iaitu matlamat lain peperiksaan UPSR seperti yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Negara bagi membangunkan personaliti dan meningkatkan jati diri seseorang pelajar. Instrumen prestasi akademik yang digunakan oleh Kementerian Pelajaran untuk mengukur tahap kemenjadian murid adalah satu aspek yang memerlukan pelbagai kajian susulan. Persepsi tipikal ibu bapa dalam membandingkan pencapaian akademik anak-anak antara bukti perlunya aspek ini dititikberatkan. Persepsi sebegini sememangnya tidak dapat dinafikan berlaku di setiap sekolah di negara kita kerana pihak sekolah sendiri pun mendedahkan kedudukan sekolah masing-masing berdasarkan peratusan kelulusan dalam UPSR. Sekolah yang mendapat keputusan yang cemerlang akan mendapat pengiktirafan, sebaliknya sekolah yang lemah akan mendapat perhatian yang lebih terperinci. Apakah lagi bagi sekolah yang dikategorikan sekolah berprestasi rendah, iaitu sekolah yang memperoleh pencapaian 0% hingga 30%. Sehubungan itu, kajian hendaklah dilakukan terhadap sekolah-sekolah berprestasi sifar agar sekolah-sekolah ini dapat membangun, berdaya saing serta setaraf dengan sekolah-sekolah yang lain.

### **■3.0 PERNYATAAN MASALAH**

Keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) beberapa Sekolah Rendah di negeri Sarawak sentiasa dalam kelompok sekolah prestasi rendah (SPR) dan sifar sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Pelbagai usaha telah dilakukan khasnya pelaksanaan program-program akademik, namun keadaan tidak banyak berubah. Malah menampakkan jalan buntu sehingga peratusan pencapaian murid-murid Tahun 6 dalam UPSR 2009 merudum sehingga sifar (0%). Memandangkan keadaan ini masih belum memperlihatkan tanda-tanda pemulihan, kajian harus dilakukan bagi mengenal pasti faktor sebenar yang mempengaruhi keputusan sifar (0%) dalam UPSR sekolah rendah negeri Sarawak.

Faktor yang mempengaruhi keputusan sifar UPSR sekolah rendah di negeri Sarawak adalah ekoran daripada faktor ketidakmengjadian akademik murid-murid. Ketidakmengjadian murid dalam akademik ini dilihat daripada segenap faktor-faktor asas yang dijangka mempengaruhi prestasi akademik, iaitu merujuk kepada tahap kesediaan pihak-pihak tertentu, termasuklah pengurus sekolah, guru, ibu bapa dan murid. Pengurus sekolah adalah antara pihak yang dilihat cenderung sebagai faktor yang mempengaruhi ketidakmengjadian murid ini. Hal ini berkaitan dengan segala aktiviti perancangan strategik sekolah dalam mentadbir sesebuah sekolah.

Perancangan strategik ini merujuk kepada segala aktiviti pengurusan sekolah merangkumi segala proses merancang, menyusun, mengawal dan memimpin sesebuah sekolah. Daripada jawatan tertinggi dalam sekolah sehingga staf sokongan, semuanya menyumbang kepada perkembangan dan peningkatan prestasi pelajar. Masalah-masalah yang timbul dalam proses pengurusan itulah yang dilihat menjadi faktor yang menyebabkan penurunan pencapaian akademik murid-murid.

Tahap kesediaan guru juga antara permasalahan yang diperincikan. Proses pengajaran dan pembelajaran serta dorongan motivasi daripada guru kepada murid menjadi antara faktor dorongan prestasi akademik. Tahap kesediaan ibu bapa dilihat bermula dari rumah demi memupuk kecemerlangan anak-anak. Pemerhatian dilihat ke arah sejauh mana ibu bapa mendorong prestasi akademik anak-anak dan seterusnya memberi kerjasama kepada guru dan pihak sekolah. Tahap kesediaan pelajar juga dilihat daripada rumah, namun berlanjutan ke sekolah. Faktor pemakanan dan kesihatan yang berakar di rumah dilihat menjadi antara permasalahan. Faktor ini seterusnya akan mempengaruhi kesediaan pelajar menerima pelajaran di sekolah dan mencapai prestasi akademik yang baik.

### **■4.0 OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian dijalankan bagi menjawab beberapa persoalan berikut:

- i. Mengenal pasti tahap kesediaan pengurus sekolah, guru-guru, murid-murid dan ibu bapa dalam menghadapi UPSR.
- ii. Mengenal pasti hubungan tahap kesediaan pengurus sekolah, guru-guru, ibu bapa dan murid-murid dengan prestasi akademik murid-murid.
- iii. Mengenal pasti faktor yang menyumbang kepada prestasi sifar di sekolah rendah negeri Sarawak.

### **■5.0 TINJAUAN LITERATUR**

Kajian yang dilakukan oleh para penyelidik untuk melihat hubungan di antara punca kelemahan murid dengan pencapaian akademik mereka adalah berbeza-beza dan dapatkan kajian yang ditinjau juga berbeza. Berdasarkan sorotan kajian yang telah dilakukan, kebanyakan kajian luar negara yang menyentuh berkenaan pencapaian murid ini lebih menjurus kepada persoalan sikap. Dapatkan hujah kajian

Zimbardo dan Ebbesen (1970), Taha (1977) dan Fox (1983) melaporkan bahawa terdapat pertalian yang positif dan signifikan di antara sikap pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran dengan pencapaian mereka dalam mata pelajaran tersebut (Chew, 2006: 29). Zimbardi dan Ebbesen (1970) telah menjalankan kajian ke atas pelajar di Universiti Stanford & Aahtab Foothill, Amerika Syarikat. Hasil kajian mereka menunjukkan bahawa sikap pelajar mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan tingkah laku, daya usaha dan pencapaian akademik mereka. Rumusan kajian ini adalah sikap yang positif menghasilkan tingkah laku belajar yang positif. Tingkah laku yang positif ini pula mempengaruhi daya usaha mereka untuk belajar dengan lebih gigih. Pelajar bukan sahaja membuat rujukan tambahan tetapi juga memberi lebih perhatian kepada kerja dan tugas mereka supaya tugasan yang dilakukan menjadi lebih teratur dan sempurna (Chew, 2006: 30).

Isu kelemahan akademik para pelajar pada tahap sekolah rendah dalam negara pula lebih luas diperkatakan dan ini telah menemui daptan kepelbagaiannya punca dalam kelemahan akademik pelajar. Isu ini memerlukan perhatian yang serius kerana ia dikhuatirkan akan berterusan sehingga ke peringkat sekolah menengah dan pendidikan tinggi. Hal ini dapat dilihat dalam kajian Amir Hasan Dawi (2002) yang mendapatkan kegagalan murid di kawasan luar bandar dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) adalah berpunca daripada kelemahan mereka menguasai kemahiran asas khususnya kemahiran 3M yang lazimnya diajarkan di peringkat paling awal persekolahan. Terdapat juga kajian oleh Kementerian Pelajaran (2010) dalam Program Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang mengenali pasti bahawa faktor yang menyumbang kepada keciciran pelajar adalah disebabkan oleh ketidakupayaan untuk menerima pelajaran yang diajar. Pada tahun 2008, hampir 32,000 pelajar cicir dari pelbagai peringkat persekolahan. Harapan kerajaan, sekiranya penggunaan kemahiran literasi dan numerasi asas diberi penekanan bermula daripada peringkat awal pendidikan, kadar keciciran pelajar akan dapat dikurangkan.

Dalam konteks ini, literasi ditakrifkan sebagai keupayaan membaca, menulis dan memahami perkataan dan ayat yang mudah dan kompleks dalam Bahasa Malaysia dan mengaplikasikan pengetahuan itu dalam pembelajaran dan komunikasi harian. Numerasi pula ditakrifkan sebagai keupayaan membaca, menulis, mengira dan menyusun nombor sehingga 1,000, menjadi cekap dalam operasi matematik seperti menambah, menolak, mendarab dan membahagi dan dapat mengaplikasikannya dalam operasi wang, masa dan ukuran panjang (GTP, 2010: 174). Kajian oleh Chew Sooi Moi (2006) pula disempitkan dengan tertumpu kepada hubungan antara sikap dengan mata pelajaran ekonomi pelajar. Walau bagaimanapun, kajian ini masih dalam konteks mengenal pasti punca pencapaian akademik pelajar dalam sesuatu mata pelajaran. Dapatkan kajian telah mendapatkan bahawa sikap pelajar mempengaruhi motivasi dan penghargaan kendiri pelajar dalam pencapaian dan prestasi akademik.

Kelemahan akademik ini bukan sahaja mempengaruhi aspek pendidikan individu pelajar itu sendiri malah dikhuatirkan ia akan turut memberi kesan terhadap peribadi dan akhlak mereka. Ini berikutkan hasil kajian Rasidah Dato' Omar (2004) yang menyatakan salah satu sebab berlakunya gejala ponteng sekolah di kalangan pelajar ialah kurangnya perhatian ibu bapa terhadap prestasi akademik anak-anak, kesibukan dalam kerjaya dan keghairahan mencari kemewahan membuatkan ibu bapa mengabaikan perhatian dan kasih sayang yang sewajarnya diberi kepada anak-anak. Isu ketidakprihatinan ibu bapa ini mungkin disebabkan tahap pendidikan mereka yang rendah (Kohl, Lengua, & McMahon, 2002) sehingga mengakibatkan mereka tidak memandang berat akan isu pendidikan anak-anak mereka. Pandangan ini selari dengan satu tinjauan yang dilakukan oleh Ishak Harun di sebuah kawasan pedalaman Sabah. Beliau mendapati taraf pendidikan ibu bapa yang rendah mengakibatkan mereka tidak tahu tentang perkembangan sekolah dan pendidikan anak-anak memandangkan mereka sibuk berkebun (Ishak Harun, 2007).

Kegagalan institusi pendidikan khususnya guru dalam membimbing dan mendidik para pelajar turut menyumbang kepada kelemahan prestasi akademik pelajar. Terdapat sebahagian guru yang berpandangan sempit serta pasif terhadap pelajar mereka sehingga menyebabkan pelajar rasa terasing dan tersinggung. Malah, kajian Hamidah (2003) mendapatkan terdapat guru yang mengamalkan sikap pilih kasih dalam menjalankan tanggungjawab mereka. Antaranya, sikap guru yang hanya mengambil berat terhadap pelajar cemerlang berbanding pelajar yang sederhana dan rendah pencapaiannya. Oleh itu, pelajar yang merasa terabai mempunyai konsep kendiri yang rendah, tidak bermotivasi untuk belajar dan terus ketinggalan dalam pencapaian akademik. Kajian oleh Rohani Arbaa, Hazri Jamil dan Nordin Abd Razak (2010) juga melihat kepada kegagalan institusi pendidikan dalam konteks guru, iaitu melihat kepada hubungan antara dimensi-dimensi guru berkualiti dengan komitmen belajar pelajar. Hasil kajian menunjukkan bahawa wujudnya hubungan positif yang sederhana antara ciri kualiti guru yang dikaji dengan komitmen pelajar. Hubungan guru-pelajar dikenal pasti sebagai ciri kualiti guru yang menjadi peramal terbaik bagi meningkatkan komitmen belajar pelajar. Kajian ini menunjukkan bahawa hubungan guru-pelajar adalah faktor yang signifikan dalam meningkatkan komitmen belajar pelajar.

Ruziah Ramli (2006) juga turut melihat aspek perguruan ini sebagai salah satu punca kelemahan prestasi pelajar. Kajian yang dilakukan melihat kepada tahap penglibatan guru dalam proses membuat keputusan daripada aspek pengurusan dan pengajaran di sekolah. Hasil daptan mendapatkan terdapat perbezaan tahap penglibatan guru dalam aspek yang dikaji, iaitu aspek pengurusan kakitangan, pengurusan kewangan dan pengurusan hal ehwal murid. Kelemahan guru dalam membimbing pelajar dengan kaedah yang sesuai juga dilihat menjadi punca kelemahan akademik pelajar. Ishak Harun merumuskan kelemahan guru sebagai pembimbing utama pelajar dan kurangnya pendedahan pengetahuan dan pengalaman merupakan antara faktor keciciran pelajar dalam subjek Bahasa Melayu di pedalaman Sabah. Aripin Yuddin (2008) juga membincangkan keputusan UPSR murid-murid dan sikap pengajaran guru UPSR dibandingkan antara Sekolah Kebangsaan (SK) dengan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di Tawau, Sabah. Melalui perbandingan yang dilakukan, didapati murid-murid SK lebih perkasa dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Kefahaman dan Penulisan manakala murid-murid SJKC lebih perkasa dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Terdapat konstruk dalam sikap pengajaran guru UPSR menurut pandangan murid yang mempunyai korelasi signifikan dengan pencapaian UPSR murid. Terdapat juga kajian lain yang mengenal pasti punca kelemahan prestasi pelajar tetapi dilihat dalam konteks yang berbeza. Antaranya ialah kajian pencapaian akademik yang dihubungkan dengan gender. Dalam hal ini, gender juga boleh dijadikan salah satu pemboleh ubah dalam mengukur pencapaian murid. Tinjauan oleh Sutherland (dalam Tinklin, Croxford, Frame & Ducklin, 2000) menyatakan bahawa prestasi pelajar perempuan yang lebih baik berbanding pelajar lelaki adalah suatu fenomena yang menyeluruh dan berlaku di banyak negara di dunia seperti di Scotland, England, Perancis, Jerman, Jepun, Australia, dan New Zealand (Zalizan Mohd Jelas *et al.*, 2005).

Kajian oleh Zalizan Mohd Jelas, Saemah Rahman, Roselan Baki dan Jamil Ahmad (2005) pula telah menghubungkan prestasi akademik dan gender di kalangan pelajar lelaki dan perempuan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Dapatkan kajian menunjukkan pelajar perempuan lebih berjaya dalam peperiksaan awam berbanding pelajar lelaki. Dapatkan kajian menunjukkan beberapa faktor penting yang dikaitkan dengan pelajar, persekitaran dan guru yang diandaikan menyumbang kepada keadaan tersebut. Dapatkan kajian ini juga menunjukkan bahawa keperluan dan gaya pembelajaran pelajar lelaki adalah berbeza dengan pelajar perempuan.

Kajian lain yang membincangkan isu berkenaan punca kelemahan prestasi akademik pelajar turut dikaitkan dengan premis, iaitu dalam konteks ini merujuk kepada sekolah. Kepimpinan, pengurusan strategik, iklim serta persekitaran sekolah. Antara kajian yang membincangkan aspek ini termasuklah kajian oleh Ahmad Zabidi Abdul Razak (2006) yang mengkaji ciri-ciri iklim sekolah yang berkesan dan implikasinya terhadap motivasi pembelajaran pelajar dengan kajian kes di beberapa sekolah agama di negeri Selangor. Hasil dapatkan kajian menunjukkan bahawa iklim yang berkaitan dengan pengamalan cara hidup Islam di kalangan warga sekolah merupakan ciri iklim sekolah menengah agama berkesan yang terpenting berbanding lain-lain ciri iklim sekolah berkesan. Budaya hidup beragama ini membantu meningkatkan prestasi akademik pelajar.

Seterusnya, kajian pencapaian akademik pelajar juga dilihat berkesinambungan dengan kepimpinan dan pengurusan strategik sekolah. Pengurusan strategik melibatkan pengurusan jangkaan dan masa hadapan. Organisasi pendidikan seharusnya mempunyai pengurusan yang kental dari segi menganalisis persekitaran luaran, kepimpinan manusia, struktur, teknologi, politik, budaya dan pendidikan (Caldwell & Spinks 1988). Dalam kajian oleh Norhannan Ramli dan Jamaliah Abdul Hamid (2006), gaya kepimpinan pengetua wanita dihubungkan dengan tahap motivasi guru sekolah menengah. Hasil dapatkan kajian mengesahkan bahawa kepimpinan wanita adalah memuaskan dan lebih cenderung terhadap gaya berstruktur tugas, dan gaya kepimpinan ini mempunyai mempunyai korelasi signifikan, tetapi lemah dengan tahap motivasi guru.


Selain itu, dari sisi lain berkenaan punca kelemahan akademik pelajar ini, setiap individu perlu memenuhi tuntutan beberapa keperluan asas untuk menjamin individu itu berkembang dengan baik dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek. Maslow (1959) telah mengenal pasti lima hierarki keperluan asasi manusia untuk hidup. Tahap keperluan tersebut bermula dengan yang paling asas iaitu keperluan fisiologi sehingga ke tahap yang tertinggi, iaitu keperluan kesempurnaan kendiri/sendiri. Menurut Maslow, setiap individu perlu memenuhi keperluan yang paling asas terlebih dahulu sebelum dapat meneruskan kepada yang paling tinggi. Makanan, minuman, rehat dan seumpamanya diperlukan untuk menjamin kesempurnaan keperluan fisiologi atau tubuh badan. Sekiranya keperluan ini dipenuhi individu tersebut akan memperoleh kecergasan dari segi fizikal malah juga mental (Atan Long, 1976).

Berkenaan aspek pemakanan pula, terdapat beberapa kajian yang memfokuskan kepada permasalahan ini. Antaranya, kajian oleh Md Amin Md Taff (2004) yang meninjau tahap pengetahuan dan amalan gaya hidup sihat di kalangan pelajar semester satu ambilan Jun sesi 2004/2005 Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kajian ini bertujuan untuk melihat sama ada terdapat perkaitan di antara pengetahuan dan amalan gaya hidup sihat di kalangan pelajar serta faktor demografi yang mempengaruhinya. Dapatkan menunjukkan pelajar Semester Satu Universiti Pendidikan Sultan Idris Ambilan Jun 2004/2005 memiliki pengetahuan yang tinggi dan amalan gaya hidup sihat yang sederhana tinggi. Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap pengetahuan dan amalan gaya hidup sihat di kalangan pelajar.

Kajian seterusnya berkenaan aspek pemakanan dan kesihatan ini telah dijalankan oleh Mosleha Laman (2004) yang bertujuan untuk meninjau amalan pengambilan sarapan pagi di kalangan murid tingkatan dua di kawasan bandar dan luar bandar di daerah Kulai. Sampel kajian melibatkan 205 orang murid yang terdiri daripada 120 orang murid di kawasan bandar dan 85 orang murid di kawasan luar bandar. Hasil kajian mendapati 54.2% murid tingkatan dua di bandar dan 52.9% di luar bandar mengambil sarapan pagi setiap hari. Murid di bandar lebih ramai yang meninggalkan sarapan pagi (kurang daripada tiga kali seminggu). Hasil analisis faktor latar belakang keluarga mempengaruhi murid dalam amalan pengambilan sarapan pagi dan sekali gus menunjukkan bahawa perhubungan antara faktor latar belakang keluarga dengan amalan pengambilan sarapan pagi adalah rendah. Tahap pengetahuan responden tentang kepentingan sarapan pagi juga adalah baik. Keputusan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap corak pengambilan sarapan pagi di antara murid bandar dan luar bandar.

### 5.1 Kerangka Konseptual Kajian

Secara ringkasnya, kajian ini dapat disimpulkan dalam bentuk kerangka konsep seperti ditunjukkan dalam rajah berikut yang mempraktikkan elemen-elemen yang diukur dalam pemboleh ubah tidak bersandar (bebas) dan pemboleh ubah bersandar di samping mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut melalui Rajah 1.



Rajah 1 Kerangka konseptual kajian

## ■6.0 DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini menunjukkan keputusan dan keterangan bagi dapatan data yang telah dianalisis secara kuantitatif menggunakan perisian SPSS versi 17. Analisis dapatan data melalui temu bual dan pemerhatian turut dinyatakan. Kajian yang dijalankan adalah untuk meninjau faktor kesediaan guru, murid, ibu bapa dan pentadbir sekolah yang terlibat yang didapati sangat mempengaruhi dan menyumbang terhadap keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun 2009 di sekolah yang berprestasi sifar.

**Jadual 1** Tahap kesediaan

Item	Min	S.P
Tahap Kesediaan Guru	4.22*	0.43
Tahap Kesediaan pelajar	3.59*	0.92
Tahap Kesediaan Ibu Bapa	3.64	1.09
Tahap Kesediaan Pengurusan Sekolah	4.01	0.77
<b>Keseluruhan Min dan SP</b>	<b>3.865</b>	<b>0.8025</b>

Secara perbandingan didapati tahap kesediaan para guru adalah paling tinggi (Min: 4.22) berbanding dengan faktor lain. Manakala tahap kesediaan pelajar pula menunjukkan min yang paling rendah (Min: 3.59). Secara keseluruhan Min memperlihatkan min yang agak sederhana sahaja yang secara tidak langsung melibatkan semua pihak.

Daripada analisis yang diperoleh, persediaan di peringkat sekolah dalam menghadapi UPSR memang ada malah dilakukan sejak awal tahun lagi. Guru-guru tahu peranan masing-masing untuk membuat tindakan berdasarkan *Take Of Value (TOV)*, *Operational Target Increment (OTI)* dan *Expected Target Result (ETR)*. Namun begitu, menurut Guru Besar dan Penolong Kanan Pentadbiran Sekolah Berprestasi Sifar UPSR, kaedah dan pendekatan guru-guru semasa pengajaran pembelajaran masih perlu penambahbaikan yang lebih gigih lagi. Begitu juga dengan penglibatan murid-murid sendiri serta ibu bapa mereka. Keprihatinan murid-murid dan ibu bapa dalam program akademik masih kurang dan harus diberikan perhatian selanjutnya.

## ■7.0 DAPATAN KAJIAN

Sehubungan itu, persediaan pengurus sekolah, guru-guru, murid-murid dan ibu bapa terhadap UPSR memang ada tetapi tidak secara optimum dan menyeluruh serta sangat memerlukan perubahan dan penambahbaikan lagi. Namun apa yang perlu diberikan penekanan adalah refleksi semua pihak yang terlibat. Menurut Shulman (1987), kebolehan membuat transformasi dan refleksi membolehkan guru sentiasa mempelajari dan memahami sesuatu yang baru hasil daripada kaedah pembelajaran yang telah dilaluinya.

### 7.1 Runusan dan Cadangan

Berdasarkan dapatan, perbincangan dan rumusan daripada kajian yang dijalankan, penyelidik ingin memberi beberapa cadangan yang boleh dipertimbangkan oleh pihak sekolah yang merangkumi pengurusan sekolah, guru-guru, murid-murid dan juga para ibu bapa.

- i. Oleh kerana dapatan kajian ini menunjukkan bahawa semua elemen dalam SKPM sentiasa berhubung kait dan mempengaruhi kemenjadian dan keputusan UPSR, setiap elemen yang berkaitan hendaklah diberikan penekanan dan penambahbaikan. Ini harus dilakukan secara kolaborasi setiap warga sekolah dengan memastikan setiap individu betul-betul faham dan mempunyai kesedaran yang tinggi akan tanggungjawab masing-masing dalam melahirkan modal insan yang akan menyumbang kepada pencapaian UPSR sekolah akhirnya.
- ii. Pengurus Sekolah merupakan nadi kepada sumber manusia sekolah dalam memastikan setiap individu mengetahui hala tuju dan matlamat organisasi yang sepunya supaya tindakan-tindakan yang diambil bukan sahaja mengambil kira kepentingan diri malah merangkumi kepentingan organisasi keseluruhannya. Justeru itu, keakraban hubungan sesama diri dalam satu pasukan hendaklah dipertingkatkan dari semasa ke semasa.
- iii. Guru-guru yang kurang ‘perform’ hendaklah dibimbing secara profesional dari semasa ke semasa atau penggunaan modul *mentor-mentee* selain disyorkan menyertai kursus-kursus untuk meningkatkan diri. Dalam hal ini, pemantauan dan pencerapan juga perlu dilakukan dengan lebih kerap lagi untuk membina sikap dan budaya cemerlang dalam pengajaran pembelajaran tanpa mengira sama ada kelas UPSR mahupun Tahun Satu malah sewajarnya dimulakan sejak prasekolah lagi. Justeru itu, setiap guru hendaklah berusaha dan terus berusaha agar selepas sahaja tiga tahun, semua murid telah menguasai kemahiran asas 3M dan Bahasa Cina.

- iv. Penekanan kepada perkembangan murid-murid dalam kurikulum, kokurikulum dan sahsiah hendaklah dilipat gandakan. Ini boleh dilakukan dengan memberikan peneguhan dan pengukuhan pencapaian positif murid serta melaksanakan program penambahbaikan terhadap kekangan dan cabaran bagi setiap individu murid. Dalam hal ini, data-data murid perlu dikemas kini dan dijadikan panduan kepada tindakan yang selanjutnya.
- v. Setiap murid mempunyai latar belakang dan emosi yang berlainan. Justeru, pendekatan guru penyayang harus menjadi amalan setiap guru. Ini penting kerana hanya dengan pendekatan guru penyayang kita dapat mengetahui dan mendalami kekuatan dan kelemahan setiap murid khasnya yang melibatkan emosi.
- vi. Penglibatan ibu bapa terhadap program sekolah hendaklah menyeluruh untuk melahirkan insan yang seajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Untuk itu, Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) mesti ditubuhkan bagi memberi ruang, peluang dan saluran kepada ibu bapa khasnya yang bukan Cina melibatkan diri secara aktif serta menyumbang kepada pembangunan anak-anak khasnya dan sekolah umumnya.
- vii. Semua warga sekolah perlu peka dengan persekitaran semasa dan sanggup membuat perubahan dengan mengambil tindakan yang luar biasa supaya hasilnya menampakkan kelainan daripada yang biasa-biasa sahaja.

## Rujukan

- Ahmad Zabidi Abdul Razak. (2006). Ciri Iklim Sekolah Berkesan: Implikasinya Terhadap Motivasi Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan*, 31, 3–19.
- Amir Hassan Dawi. (2002). *Sejauh mana Pelajar yang Aktif dalam Kegiatan Kokurikulum Cemerlang dalam Pencapaian Akademik: Satu Kajian di Beberapa Buah Sekolah Sekitar Bandar Kemaman, Terengganu*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amir Syakir Zainol. (2006). *Membina Kendiri Unggul Berkarisma*. (atas talian). <http://myschoolnet.ppk.kpm.my/kaunseling/kkendiri/kkendiri.htm>.
- Aripin Yuddin. (2008). *Perbandingan Keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah dan Sikap Pengajaran Guru Antara Sekolah Kebangsaan dengan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina: Kajian Kes di Tawau, Sabah*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia: Pulau Pinang.
- Atan Long. (1976). *Psikologi pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP). 2001. *Memperkasa Pencapaian Akademik Pelajar Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Caldwell, B. J. & Spinks, J. M. (1988). *The Self Managing School*. London: Falmer Press.
- Chew, Soo Mooi. (2006). *Hubungan Antara Sikap dengan Pencapaian Mata Pelajaran Ekonomi Tingkatan 6 di Sebuah Sekolah di Tawau, Sabah*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Malaysia Sabah: Kota Kinabalu.
- Choong, Siew Beng. (2009). *Staying Motivated in your Studies: The Importance of a Positive Learning Attitude*. Dewan Bahasa Edisi Keempat. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fox. (1983). Personal Theories of Teaching. *Studies in Higher Education*, 8(2), 151–163.
- Hamidah Sulaiman. (2003). *Keberkesan Teknik Kemahiran Belajar Terhadap Konsep Kendiri*. Seminar Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling (JPPK). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hamidah Sulaiman. (2004). *Peranan Ibu Bapa Membantu Anak-Anak Yang Tidak Bermotivasi*. Keluaran Khas Sempena 100 Tahun UM. Kuala Lumpur:Universiti Malaya.
- Ishak Harun. (2007). *Pendidikan Sekolah Rendah di Pedalaman Keningau: Satu Tinjauan di Kampung Salarom, Nabawan*. [http://www.sabah.net.my/gordie/mpks/new\\_page\\_2.html#laporan%20tinjauan](http://www.sabah.net.my/gordie/mpks/new_page_2.html#laporan%20tinjauan).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1986). *Pendidikan Di Malaysia*. (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan) Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1989). Laporan Jawatankuasa Mengkaji Taraf Pelajaran Di Sekolah-Sekolah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2010). *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia*. Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1993). *Kajian Keciciran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kohl, G. W., Lengua, L. J., & McMahon, R. I. (2002). Parent Involvement in School: Conceptualizing Multiple Dimensions and Their Relations with Family and Demographic Risk Factors. *Journal of School Psychology*, 38(6), 501–523.
- Maslow, A. H. (1959). Cognition of Being in The Peak Experiences. *Journal of Genetic Psychology*, 94, 43–66.
- Md. Amin Md. Taff. (2004). Tinjauan Tahap Pengetahuan dan Amalan Gaya Hidup Sihat di Kalangan Pelajar Semester Satu Ambilan Jun Sesi 2004/2005 Universiti Pendidikan Sultan Idris. Disertasi Sarjana: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mosleha Laman. (2004). Amalan Pengambilan Sarapan Pagi Di Kalangan Murid Tingkatan Dua di Kawasan Bandar dan Luar Bandar: Satu Perbandingan. Laporan Akhir Projek Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Ismail Othman. (2004). Ibu Bapa dan Pencapaian Akademik Anak-Anak: Satu Tinjauan Literatur. *Jurnal Pendidikan*, 7, 76–84.
- Norhannan Ramli & Jamaliah Abdul Hamid. (2006). *Jurnal Pendidikan*, 31, 53–69.
- Nzei Te Riu Roa. (2005). Quality Teachers, Quality Teaching. *An NZEI Discussion Paper Presented to Annual Meeting August, 2005*. [www.nzei.org.nz/resources/publications/documents/QualTeachFinal WEB.pdf](http://www.nzei.org.nz/resources/publications/documents/QualTeachFinal WEB.pdf).
- Rasidah Dato' Omar. (2004). *Gejala Ponteng Sekolah di Kalangan Pelajar Sekolah*. Prosiding Seminar Wanita. PWTC. Kuala Lumpur.
- Rohani Arbaa, Hazri Jamil & Nordin Abdul Razak. (2010). Hubungan Guru-Pelajar dan Kaitannya dengan Komitmen Belajar Pelajar: adakah Guru Berkualiti Menghasilkan Perbezaan Pembelajaran antara Jantina? *Jurnal Pendidikan*, 35(2), 61–69.
- Ruziah Ramli. (2006). *Tahap Penglibatan Guru dalam Proses Membuat Keputusan dari Aspek Pengurusan dan Pengajaran di Sekolah-sekolah Menengah dalam Daerah Beaufort, Sabah*. Tesis Sarjana Pendidikan. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Shulman, L. S. (1987). Knowledge and Teaching: Foundations of The New Reform. *Harvard Educational Review*, 57, 1–22.
- SPI. Bil. 4/1986. *Penyeliauan Pengajaran Dan Pembelajaran*.
- Taha Abdul Kadir. (1977). *Persekitaran Rumah Tangga dan Pencapaian Akademik Murid-murid di Sekolah Menengah Kebangsaan*. Tesis Sarjana Pendidikan. University Malaya: Kuala Lumpur.
- Tinklin, T., Croxford, L. Frame, B., Ducklin, A. (2000). *Gender and Pupil Performance in Scotland*. Kertas Kerja. The European Conference on Educational Research, Edinburgh.<http://www.leeds.ac.uk/educol/documents/00001663.htm>.
- Unit Prestasi dan Perlaksanaan (PEMANDU). (2010). *Pelan Hala Tuju: Program Transformasi Kerajaan (GTP)*. Jabatan Perdana Menteri: Putrajaya.
- Urus Setia Guru Cemerlang. Jemaah Nazir Sekolah. (2003). Kementerian Pelajaran Malaysia. [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my).
- Zalizan Mohd Jelas, Saemah Rahman, Roselan Baki & Jamil Ahmad. (2005). Prestasi Akademik Mengikut Gender. *Jurnal Pendidikan*, 30, 93–111.
- Zimbardo, Philip & Ebbesen, Ebbe. (1970). *Influencing Attitudes and Changing Behaviour*. Stanford: Addison-Wesley.